

02 APR 2001

DAP MAHU PEKERJA DIBENAR TERUSKAN CARUMAN 11 PERATUS KEPADA KSWP

KUALA LUMPUR, 2 April (Bernama) -- DAP mahu supaya pekerja yang berhasrat untuk meneruskan caruman sebanyak 11 peratus kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dibenar berbuat demikian.

Pengerusi Kebangsaan DAP Lim Kit Siang berkata walaupun kerajaan telah mengumumkan pengurangan caruman pekerja sebanyak dua peratus, berkuatkuasa semalam, pengurangan caruman hanya boleh dibuat secara pilihan dan tidak boleh diwajibkan seperti dinyatakan dalam Akta KWSP 1991.

"KWSP bertanggungjawab untuk memastikan bahawa 9.7 juta pencarum tidak menghadapi kesulitan dan karenah birokrasi jika mahu meneruskan caruman sebanyak 11 peratus kepada KWSP," kata beliau dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad minggu lepas mengumumkan bahawa pengurangan dua peratus dalam caruman pekerja selama setahun ialah sebahagian daripada langkah-langkah kerajaan bagi menghadapi kesan kelembapan ekonomi Amerika Syarikat.

Lim berkata Seksyen 43 Akta KWSP 1991 menyatakan bahawa majikan dan pekerja berhak membuat caruman setiap bulan melebihi kadar minimum statutori dan pencarum harus memberi notis kepada lembaga jika mahu membuat caruman melebihi kadar statutori.

Beliau meminta Senator Zainal Rampak dan wakil lain yang mewakili pekerja dalam Lembaga KWSP supaya mengadakan mesyuarat tergepar bagi memastikan proses berjalan lancar untuk pencarum KWSP yang mahu meneruskan caruman dengan kadar 11 peratus.

-- BERNAMA  
AKT AZZ FAZ